



## TERMA DAN SYARAT BAGI PEKEDAI / PERUNCIT / SYARIKAT BERDAFTAR DI BAWAH PROGRAM NUR@PETRA

---

Mana-mana Pemohon yang mendaftar sebagai Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar bagi Program Nikmat Untuk Rakyat (NUR@PETRA) adalah tertakluk dan wajib mematuhi sepenuhnya semua terma dan syarat yang ditetapkan sebagai Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar. Terma dan syarat adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

### 1. PERMOHONAN

- 1.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://nur.seda.gov.my>.
- 1.2 Permohonan hanya akan diproses oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) Malaysia setelah semua maklumat dan dokumen sokongan yang lengkap telah dimuat naik dan telah dihantar dalam laman sesawang Program NUR sebagaimana yang dinyatakan dalam Panduan dan Tatacara Tuntutan sebagai Pекedai/Peruncit/Syarikat e-Rebat di bawah Program NUR@PETRA (Panduan dan Tatacara Program NUR@PETRA).
- 1.3 **SEDA Malaysia berhak mengadakan sesi lawatan ke premis Pекedai/Peruncit/Syarikat** bagi tujuan pengesahan bahawa penyertaan tersebut adalah sah dan benar-benar wujud.
- 1.4 **SEDA Malaysia berhak meluluskan atau menolak mana-mana permohonan** pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan tersebut adalah muktamad.

## 2. KRITERIA PEKEDAI/PERUNCIT/PEMOHON/PEMOHON

- 2.1 Pekedai/Peruncit/Syarikat (Domestik) hendaklah merupakan sebuah syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan masih aktif serta mempunyai alamat berdaftar dan alamat perniagaan di Malaysia.
- 2.2 Mempunyai akaun bank yang masih aktif.

## 3. TANGGUNGJAWAB PEKEDAI / PERUNCIT BERDAFTAR / SYARIKAT

- 3.1 Mana-mana pemohon yang telah diluluskan sebagai Pekedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar hendaklah mengikut syarat-syarat seperti berikut:
  - a) Terma dan Syarat serta Panduan dan Tatacara Program NUR@PETRA perlu dipatuhi;
  - b) **Semua pembeli/pengguna perlu memenuhi kelayakan Program NUR@PETRA** seperti yang dinyatakan dalam laman sesawang Program NUR@PETRA sebelum membuat permohonan melalui sistem NUR;
  - c) Memastikan pembeli/pengguna (domestik) merupakan **warganegara Malaysia dengan menggunakan kad pengenalan berwarna biru miliknya sendiri** semasa membuat pembelian dengan Pekedai/Peruncit/Syarikat berdaftar;
  - d) Memastikan **mengemukakan bil elektrik pembeli/pengguna bagi tiga (3) bulan terkini daripada tarikh tuntutan kepada SEDA Malaysia** dan bil tersebut hendaklah dimuat naik ke dalam Sistem NUR semasa proses tuntutan dibuat;
  - e) Membantu pembeli/pengguna (domestik) membuat permohonan e-Rebat melalui akaun Pekedai/Peruncit/Syarikat berdaftar dan memastikan maklumat yang dinyatakan adalah tepat dan betul;
  - f) Memastikan maklumat pembelian bagi setiap produk yang dinyatakan adalah sama seperti di dalam bukti pembelian;
  - g) Sekiranya pembeli/pengguna (domestik) memenuhi semua kelayakan Program NUR@PETRA, **Pekedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar perlu memberikan e-Rebat RM200 secara penolakan terus (at the purchasing point)** sewaktu urusan pembelian dijalankan kepada pembeli/pengguna;

- h) Permohonan tuntutan e-Rebat bagi kategori domestik sahaja dibuat melalui akaun Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar selaras dengan Tatacara Permohonan dan Penebusan e-Rebat bagi Program NUR@PETRA.
- i) Permohonan pembatalan baucar e-Rebat yang telah dituntut boleh dilakukan dengan klik pada butang **“Cancel Voucher”**, dan kemas kini boleh dibuat selepas itu. Namun, sekiranya baucar e-Rebat tersebut telah berstatus **“Approved”**, permohonan **“cancel Voucher”** akan terbatal secara automatik dan tuntutan baharu perlu dikemukakan semula.
- j) Memastikan semua maklumat Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar yang diisi di dalam **profil adalah betul dan aktif terutamanya nombor telefon orang yang boleh dihubungi dan e-mel** sebagai saluran rasmi.

#### 4. TEMPOH PENYENARAIAN

- 4.1 Tempoh penyenaian sebagai Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar di bawah Program NUR@PETRA adalah **sah sehingga 31 Disember 2026 sahaja.**

#### 5. KETIDAKPATUHAN

- 5.1 Sekiranya SEDA Malaysia mendapati bahawa Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar gagal mematuhi perkara 3 Terma dan Syarat, **SEDA Malaysia berhak dengan tanpa sebarang notis, untuk:**
  - i. Menolak sebarang permohonan tuntutan e-Rebat yang dikemukakan;
  - ii. Menggantung serta-merta pembayaran kepada Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar sehingga siasatan selesai;
  - iii. Menggantung atau membatalkan pendaftaran Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar pada bila-bila masa mengikut budi bicara SEDA Malaysia;
  - iv. Mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar;
  - v. Membatalkan serta-merta penyertaan Pекedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar dalam Program NUR@PETRA;

- vi. Menyenaraihitam Pekedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar daripada menyertai mana-mana program di bawah SEDA Malaysia pada masa hadapan;
  - vii. Menuntut pemulangan semula (*refund*) ke atas sebarang pembayaran e-Rebat yang telah dibuat sekiranya didapati tidak sah;
  - viii. Mengarahkan Pekedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar untuk mengemukakan dokumen tambahan atau penjelasan lanjut dalam tempoh yang ditetapkan; dan/atau
  - ix. Melaporkan ketidakpatuhan kepada pihak berkuasa berkaitan sekiranya melibatkan unsur penipuan atau pelanggaran undang-undang penggunaan dana kerajaan.
- 5.2 Sebarang **keputusan yang dibuat oleh SEDA Malaysia adalah muktamad**. SEDA Malaysia tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan ke atas sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan atau liabiliti oleh Pekedai/Peruncit/Syarikat Berdaftar akibat atau berhubung dengan ketidakpatuhan terhadap terma dan syarat yang ditetapkan.

## 6. PERKARA AM

- 6.1 Bagi maksud Program NUR@PETRA, Pekedai/Peruncit/Syarikat berdaftar hendaklah termasuk pemilik dan pekerjanya.
- 6.2 SEDA Malaysia berhak untuk meminda atau mengemas kini Terma dan Syarat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- 6.3 **Terma & Syarat ini adalah dianggap telah dipersetujui oleh Pekedai/Peruncit/Syarikat bagi penyertaan dalam Program NUR@PETRA bagi tahun 2026.**